

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 19 April 2017

SOALAN

PUAN HAJAH AZIZAH BINTI HAJI HARUN minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan bagaimana sasaran dan perancangan Kerajaan dengan kerjasama PDRM, Imigresen dan RELA dalam memastikan tiada lagi aktiviti pengemisan oleh pendatang asing, Orang Kurang Upaya dan kanak-kanak di tempat-tempat awam di seluruh negara.

JAWAPAN

Bagi menangani isu pengemisan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mengambil pendekatan secara menyeluruh (holistic) dengan penglibatan pelbagai agensi (multi-sectoral). KPWKM akan terus memperkemas dan memperkukuhkan lagi tindakan bersepadu pelbagai agensi yang telah dilaksanakan sebelum ini bagi memastikan aktiviti pengemisan dapat dikurangkan. Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menjalankan operasi menyelamatkan pengemis berdasarkan peruntukan di bawah seksyen 3, Akta Orang-Orang Papa 1977. Bagi aktiviti pengemisan secara sindiket, ia adalah di bawah bidangkuasa Polis DiRaja Malaysia (PDRM) yang bertindak di bawah Akta Anti Permerdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran 2007. Orang awam yang mempunyai maklumat berkaitan sindiket pengemisan disarankan untuk melaporkan kepada PDRM bagi membolehkan PDRM mengambil tindakan. Kementerian melalui JKM dengan kerjasama pelbagai agensi telah menjalankan langkah-langkah seperti berikut bagi menangani isu pengemisan: 1. Menjalankan Operasi Bersepadu, Berjadual dan Ad-hoc/Aduan. Antara agensi yang terlibat dalam Operasi Bersepadu adalah Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Imigresen Malaysia, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Pendaftaran, Jabatan Agama Islam dan Jabatan Kesihatan. Dalam operasi bersepadu ini setiap agensi akan mengenal pasti mereka yang diselamatkan. Setiap agensi akan mengambil tindakan terhadap kumpulan sasar masing-masing mengikut bidang kuasa agensi. Pada tahun 2016, JKM telah menjalankan 2,707 operasi menyelamatkan pengemis dan seramai 2,278 orang pengemis telah diselamatkan melibatkan 668 orang pengemis warga asing dan 1,610 orang pengemis tempatan. Bagi tahun 2017, JKM telah merancang untuk mengadakan 350 operasi bersepadu dan 500 operasi berjadual di seluruh negara. Operasi ad-hoc turut dilaksanakan berdasarkan aduan yang diterima. Jumlah dan kekerapan operasi diperbanyakkan bagi negeri-negeri dan bandar-bandar besar yang dikenalpasti sebagai lokasi aktiviti pengemisan serta sepanjang bulan Ramadhan kelak yang akan diambil kesempatan oleh golongan ini untuk meraih simpati orang ramai. 2. Selain JKM, pihak berkuasa tempatan juga boleh mengambil tindakan terhadap pengemis. Kuasa ini termaktub di bawah Sek. (1) Akta Orang Papa 1977. Pihak PBT melalui undang-undang kecil mereka juga, boleh mengambil tindakan bersesuaian dalam membentasi isu pengemisan dari terus berleluasa di kawasan pentadbiran masing-masing. 3. Mengadakan Kempen Kesedaran dan Pencegahan Pengemisan melalui media cetak dan media elektronik. Melalui kempen ini, poster, sticker dan risalah dengan slogan “Bijak Membantu, Elak Tertipu” telah diedarkan kepada orang awam melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri dan Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah. Kempen bertujuan menerapkan kesedaran dan kefahaman kepada masyarakat bahawa aktiviti mengemis adalah menyalahi undang-undang. Oleh itu masyarakat perlu bijak membantu dan memberi sumbangan mengikut saluran betul seperti membantu rumah-rumah kebajikan yang berdaftar, mangsa bencana, rumah-rumah ibadat atau individu-individu yang dikenalpasti kesusahan hidupnya. Pada tahun 2016 sebanyak 248 kempen telah diadakan melalui pelbagai medium seperti pengedaran risalah dalam program-program yang dilaksanakan atau semasa operasi pengemis, siaran media seperti televisyen, radio, majalah, akhbar dan melalui media sosial. Kempen ini diteruskan pada tahun 2017. 4. JKM juga bertindak sebagai urus setia kepada Jawatankuasa Bagi Membanteras Pengemisan di peringkat nasional dan jawatankuasa ini juga wujud di peringkat negeri serta daerah. Jawatankuasa ini berperanan menyelaraskan program serta merangka tindakan bersepadu antara agensi-agensi kerajaan dan pertubuhan sukarela (NGO) yang berkaitan. 5. JKM mewujudkan Desa Bina Diri (DBD) bagi memulihkan pengemis supaya mereka dapat berdikari dan tidak lagi menjalankan aktiviti pengemisan. Sehingga kini terdapat 4 buah DBD di seluruh Negara. 6. Bagi Kanak-kanak yang diselamatkan daripada aktiviti mengemis boleh diambil ke dalam jagaan di institusi JKM untuk jagaan dan perlindungan di bawah Seksyen 30(1)(d) Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016. Di samping itu terdapat juga Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang berdaftar di bawah JKM boleh memainkan peranan membantu melindungi kanak-kanak ini. 7. Kanak-kanak boleh diletakkan di bawah jagaan orang yang layak dan sesuai di bawah Seksyen 30(1)(b) akta yang sama mengikut kesesuaian kes supaya mereka boleh terus hidup dalam suasana kekeluargaan. 8. Bagi ibu atau bapa atau penjaga kepada kanak-kanak yang diselamatkan, mereka boleh dikenakan tindakan iaitu

menyempurnakan bon dengan perintah Mahkamah Bagi Kanak-Kanak di bawah perenggan 30(1)(a) Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016 bagi memastikan mereka benar-benar melaksanakan tanggungjawab yang sewajarnya terhadap anak mereka. Penguatkuasaan melalui operasi menyelamatkan pengemis kurang berkesan andainya orang awam tidak bersungguh-sungguh untuk sama-sama membanteranya aktiviti pengemisan dengan terus memberikan sumbangan kepada golongan ini. Maka dengan ini adalah disarankan kepada anggota masyarakat termasuk ahli Yg Berhormat agar “Bijak Membantu Elak Tertipu” jika kita ingin melihat aktiviti ini lebih terkawal di masa hadapan.

